

UMS nak kaji kandungan jerebu

Oleh KAN YAW CHONG
KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menjalankankajian bagi mengenalpasti dengan tepat kandungan dalam partikeljerebu yang diambil di Sabah, pensyarah sains alam sekitar DrMarcus Jopony memberitahu.

Katanya para saintis di Sekolah Sains dan Teknologi UMS telah mengambil contoh "Total Suspended Particulates" (TSP) sejak 23September untuk tujuan yang digelarnya "finger printing"(analisis mengenalpasti).

Menggunakan Bahan Contoh Udara Isipadu Tinggi, udara disedutmenerusi kertas turas selama tiga jam pada kadar lima literseminit, bagi memerangkap setiap jenis partikel yang tersangkut, untuk menentukan komposisi pencemaran udara.

"Partikel-partikel berke-naan boleh jadi bahan organik atau bukanorganik tetapi melihat kepada warna contoh, ia menunjukkan adabahan organik yang besar yang berasal daripada pembakaran jisimbio", katanya.

"Pembakaran jenis kayu yang berlainan mengeluarkan jenis kimiayang berlainan", katanya.

"Bahan-bahan bukan organik mungkin tidak ada apa-apa makna. Apayang sangat menarik minat kita ialah komposisi kimia daripadabahan-bahan organik. Adakah ia bahan toksik atau bukan toksik?"

Katanya sebaik sahaja Sabah mengalami paras jerebu yang tidakmenyihatkan, keperluan untuk menjawab persoalan ini sangatpenting.

"Maklumat di mana-mana sahaja menunjukkan wujud begitu banyakkompauan organik yang boleh menjadi

toksik dalam jangka mas-apanjang, sebilangannya disyaki menjadi karsinogenik (penyebabbarah). Kita tidak tahu tentang ini tetapi itulah sebabnya kitamahu mengenal-pasti", kata Dr Jopony.

Katanya hasil contoh udara menunjukkan kehadiran partikel yangterlampau halus sehingga berjaya menembusi saiz liang 0.45 mikronkertas turas.

"Perkara yang boleh kita ketahui ialah partikel jerebu yangterlampau halus digelar PM10, iaitu partikel 10 mikrometer ataukurang daripada saiz itu yang boleh terapung di udara dalam masayang lama dan jenis partikel inilah yang dengan mudah boleh masukke dalam paru-paru kita", tegas beliau.

Pengarah Perubatan Persatuan Barah Malaysia, Datuk Dr S.KDharmalingam dipetik sebagai berkata dalam akhbar The Star Khamislalu bahawa: "Jika asap kayu benar-benar mengandungi partikelhidrokarbon, jadi ini adalah agen karsinogenik".

Setakat ini, pakar-pakar perubatan tidak menyangkal kemungkinanbahawa jerebu yang dikeluarkan oleh asap kayu dari Kalimantan, Indonesia, boleh menyebabkan barah paru-paru dalam jangka masayang lama, tetapi tidak ada kajian sebenarnya dilakukan berhubungkesan jangka panjang jerebu ini ke atas paru-paru dan barah hanyadikesan ke atas mangsa 10 atau 20 tahun kemudian, menurut lapo-ranitu.

Bagaimanapun Dr Dharmalingam bersetuju bahawa terdapat satulaporan yang mengaitkan barah tekak dengan asap kayu.

Beliau merujuk kepada satu kajian yang dijalankan



INI DIA.... Dr Jopony menunjukkan pencemaran jerebu terperangkappa kertas penapis.

oleh Dr John Hodari Hong Kong 30 tahun lalu yang mendapati kes nasopharingealcarcinoma (barah tekak) begitu tinggi di kalangan penduduk diselatan China dan Malta.

"Didapati kemudiannya bahawa penduduk, di sana biasanya memasakmakanan

mereka menggunakan kayu".

Selanjutnya Dr Dharmalingam dipetik sebagai berkata kejadianbarah seumpama itu juga tinggi di kalangan kaum China diMalaysia, menggambarkan boleh jadi wujudnya satu fak-tor kaumkepada masalah ini.

Sementara itu, Dr Jopony berkata UMS mempunyai kepakaran dankemudahan bagi melakukan sebahagian "finger printing" tetapi sedikit bantuan luar juga diperlukan untuk satu analisis yang-glengkap.

"Finger printing" adalah satu proses yang rumit", katanya.

"Satu bahagian yang kritikal dalam kajian ini adalah pendedahankepada jenis partikel itu", katanya.

HARIAN EXPRESS 27 SEPT 1997

HARIAN EKSPRES 27 SEP '97